



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

24 Mac 2021
10 Syaban 1442h

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> • 25,000 benih udang galah mati angkara jala • Cuaca panas:3,000 patin mati
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none"> • JPS Pulau Pinang tunggu laporan Jabatan Perikanan
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none"> • Lepas 280,000 benih udang galah,ikan tahun ini(online) • Ikan laga makin popular • Bangkai penyu agar terdampar • Maritim Malaysia tahan 24 nelayan Vietnam
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none"> • 3,000 ekor ikan patin mati
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none"> • Sasar 280,000 benih udang galah,ikan dilepaskan • Lima nelayan Indonesia ditahan • Maritim tahan 24 nelayan Vietnam ceroboh perairan Johor Timur
The Star	
New Straits Time	
Nanyang Siang Pau	
Malaysia Gazette	
Harakah	
Malaysia Dateline	
Bernamea	
See Hua Daily News (Kuching)	
Guan Ming Daily	
Sin Chew Daily	

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY	ONLINE UTUSAN	
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			

25,000 benih udang galah mati angkara jala



PROGRAM pelepasan benih udang galah ke perairan umum oleh Ahmad Hamzah di Sungai Kesang, Sungai Rambai, Melaka. - UTUSAN/DIYANATUL ATIQAHA ZAKARYA

Oleh DIYANATUL ATIQAHA ZAKARYA 23 Mac 2021, 5:16 pm

JASIN: Sebanyak 25,000 benih udang galah yang dilepaskan di Sungai Kesang, Sungai Rambai di sini November lalu terjejas kerana aktiviti menjala di kawasan berkenaan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, tindakan itu bukan sahaja menyebabkan benih udang galah

mati tetapi menjejaskan sumber pendapatan nelayan darat dan penduduk kampung.

“Pada November tahun lalu, 25,000 benih udang galah telah dilepaskan di Sungai Kesang, Sungai Rambai bagaimanapun belum sempat benih itu membesar, difahamkan telah berlaku aktiviti menjala yang boleh menyebabkannya mati.

“Jadi kita merayu penduduk tempatan, untuk sementara waktu ini janganlah gunakan jala, sebaliknya gunakan cara memancing sahaja,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui di program pelepasan benih udang galah ke perairan umum dan bantuan Sistem Penyampaian dan Khidmat Sokongan (SPeKS) Akuakultur di Kota Budaya di sini hari ini.

Pada program tersebut, Ahmad Hamzah telah melepaskan sebanyak 100,000 benih udang galah.

Turut serta adalah Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Penternakan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri, Datuk Norhizam Hassan Baktee dan Pengarah Pejabat Perikanan Melaka, Mohd. Fauzi Salehon.

Ahmad memberitahu, tempoh matang bagi benih udang galah itu adalah antara lima hingga enam bulan.

“Kali ini kita lepaskan 100,000 lagi benih udang galah, jadi tunggulah sehingga ia matang supaya dapat dijadikan sumber pendapatan yang lumayan kepada lebih 45 orang nelayan darat dan pemancing.

“Jadi kalau boleh, kita minta penduduk kampung menjaga usaha ini dan mempunyai sikap tanggungjawab apatah lagi berkenaan menjaga rezeki setiap orang di kawasan ini,” katanya.

Terdahulu beliau berkata, kerajaan menyasarkan sebanyak 280,000 benih udang galah dan ikan dilepaskan ke perairan umum di Melaka.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			

Cuaca panas: 3,000 patin mati

Oleh AIMUNI TUAN LAH
utusannews@mediamulla.com.my

GUA MUSANG: Penternak di Kampung Lapan Jaya di sini menanggung kerugian sehingga RM15,000 apabila kira-kira 3,000 ikan patin ditemak dalam kolam mati dipercayai akibat cuaca panas sejak seminggu lalu.

Mat Nawi Hussin, 62, berkata, dalam tempoh seminggu kebelakangan ini, sebanyak 100 hingga 500 ikan patin dijumpai mati dan terapung di permukaan kolam setiap hari.

"Dengan keadaan cuaca panas terik dan kemarau sekarang, air di lapan kolam ikan milik saya semakin surut kerana tidak hujan sejak dua bulan lalu.

"Sebelum ini, saya bergantung kepada sumber air dari bukit berhampiran kolam, namun, air bukit juga sudah kering," katanya kepada *Utusan Malaysia* di Kampung Lapan Jaya, di sini semalam.

Mat Nawi berkata, jika cuaca panas berterusan, dia bimbang kejadian serupa berlaku terhadap hampir 100,000 ternakan ikan air tawar membabitkan pelbagai spesies.

Katanya, kejadian sama menimpa ikan kelah peliharaan nya dan jika kesemua 6,000 ikan



Mat Nawi Hussin melihat ikan patin di kolamnya yang mati akibat cuaca panas sejak seminggu lalu. - UTUSAN/AIMUNI TUAN LAH

berharga RM300 sekilogram itu mati, dia bakal berdepan kerugian besar.

"Selain kelah, saya mempunyai 30,000 patin, 30,000 tilapia, 10,000 lampam, 6,000 tongsan dan 6,000 jelawat.

"Semua ikan itu sudah be-

sar dan dalam proses untuk dipasarkan. Ada antara ikan itu mencecah berat antara setengah kilogram hingga lebih satu kilogram seekor," katanya.

Sementara itu, isteri Mat Nawi, Siti Zaharah Daud, 52, berkata, ikan mati akibat cuaca

panas adalah kejadian kali pertama sejak mereka mengusahakan ternakan ikan sejak 30 tahun lalu.

"Sekarang, setiap hari anak lelaki kami Ibrahim akan membantu menanam bangkai ikan yang mati itu," ujarnya.

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR	NANYANG SIANG PAU				
BERITA HARIAN	/	SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY			24	24/03/2021
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL				

Isu pencemaran selut di Kuala Juru

JPS Pulau Pinang tunggu laporan Jabatan Perikanan

Bukit Mertajam: Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang masih menunggu laporan siasatan pihak Jabatan Perikanan berhubung penternak kerang di Kuala Juru, di sini, yang mendakwa projek mendalamkan muara sungai oleh agensi itu punca kerang ditenak mati dan berbau busuk hingga menyebabkan kerugian lebih RM700,000.

Pengarahnya, Ir Shukri Muslim, berkata pihaknya meminta Jabatan Perikanan negeri menjalankan siasatan bagi mengenal pasti punca sebenar ternakan kerang mati sama ada berkaitan dengan projek dijalankan JPS seperti didakwa nelayan.

"Kita mengambil maklum aduan penternak kerang dan kini menunggu laporan daripada Jabatan Perikanan, sama ada benar kerang itu mati akibat selut susulan projek dijalankan JPS.

"Jika betul perkara ini berlaku, kita akan mengambil tindakan seterusnya bagi mengatasi permasalah-

han ini," katanya di sini, semalam.

Difahamkan, projek berkenaan bermula September tahun lalu dan dijangka siap Khamis ini dengan kali terakhir projek mendalamkan muara sungai dilakukan di situ sekitar 2003.

BH kelmarin melaporkan penternak kerang di Kuala Juru mendakwa mengalami kerugian lebih RM700,000 ekor ternakan kerang diusahakan mereka sejak Mac tahun lalu mati dan berbau busuk akibat pencemaran selut.

Pengerusi Persatuan nelayan Unit B, Kuala Juru, Bahari Edin, berkata penternak kerang terkejut apabila mendapati kerang berkenaan mati dan berbau busuk hingga tidak boleh dipasarkan langsung, ketika mengutip hasil laut itu pada 12 Mac lalu di kawasan ternakan seluas 28.328 hektar.

Shukri berkata, projek mendalamkan muara Sungai Juru itu dijalankan bagi mengatasi masalah

sungai cetek di kawasan berkenaan dalam usaha memberi kemudahan kepada bot nelayan di situ, selain menyelesaikan masalah banjir akibat sungai cetek.

Beliau berkata, sebelum memulakan projek itu, pihaknya sudah mengenal pasti beberapa penternak kerang dan mereka memberi laluan kepada JPS demi kepentingan nelayan serta penduduk di kawasan sekitar muara Sungai Juru.

"Kita juga turut mengadakan rundingan dengan kumpulan penternak kerang di Kuala Juru sebelum ini," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perikanan pulau Pinang, Noraisyah Abu Bakar, berkata pihaknya sudah membuat pemeriksaan dan siasatan di kawasan ternakan kerang, semalam.

"Kajian lebih terperinci akan dilakukan bagi mengenal pasti punca sebenar kerang mati sama ada disebabkan selut atau sebaliknya," katanya.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH	
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL				

Lepas 280,000 benih udang galah, ikan tahun ini



BENIH udang galah. FOTO arkib NSTP

Nuraliawati Sabri
am@hmetro.com.my

Jasin: Sejumlah 280,000 benih udang galah dan ikan disasar akan dilepaskan Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) ke perairan umum Melaka, sepanjang tahun ini.

Timbalan Menteri 1 Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, bagi menjayakan sasaran itu, program inventori terlebih dahulu dijalankan bagi mengenal pasti kawasan spesies asli sebelum benih dilepaskan.

Beliau berkata, Sungai Kesang di Sungai Rambai antara kawasan spesies asli dikenal pasti dan sehingga kini, 120,000 benih udang galah dilepaskan di kawasan itu.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY	ONLINE METRO	24/03/2021
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			

"Selain bertujuan menambah dan mengekalkan stok udang galah di perairan umum, program pelepasan benih ini secara tidak langsung membantu nelayan darat menjana sumber pendapatan.

"Pada Disember lalu, kami melepaskan 20,000 benih udang galah dan sebanyak 100,000 lagi dilepas pada hari ini.

"Bakinya akan dilepaskan secara berperingkat di lokasi dikenal pasti," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Program Pelepasan Benih Udang Galah Ke Perairan Umum dan Penyerahan Bantuan SPeKS di Sungai Kesang, di sini, hari ini.

Ahmad Hamzah berkata, benih dilepaskan itu mengambil masa antara lima hingga enam bulan untuk matang sebelum boleh ditangkap.

Sehubungan itu, beliau berharap agar bukan sahaja nelayan, malah masyarakat agar bersikap tanggungjawab untuk tidak menjala atau memancing sebelum tiba masanya.

"Saya dapat maklumat ada yang menjala dan dapat banyak udang, jadi saya merayu kepada penduduk setempat supaya buat sementara ini sama ada untuk menangkap ikan atau udang jangan menggunakan jala kerana walaupun tiada penguatkuasaan, tapi perlulah bersikap tanggungjawab.

"Ini kerana hari ini benih baru dilepaskan jadi kita mahu biarkan terus membiak dan boleh dijadikan sumber pendapatan selain tempat tumpuan memancing," katanya.

Artikel ini disiarkan pada : Selasa, 23 Mac 2021 @ 3:16 PM

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO I		THE STAR	NANYANG SIANG PAU			33	24/03/2021
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF				NEGATIF		NEUTRAL			

IKAN LAGA MAKIN POPULAR

Tidak lagi menjadi mainan kanak-kanak, buka pintu rezeki kepada penternak

AKUA

Oleh Muhammad Razis Ismail
razis@hmetro.com.my

Dahulu, ikan laga hanya boleh ditemui di kawasan pari terbiar atau bendang dan menjadi mainan kanak-kanak di sekitar kampung.

Kini keadaan sudah jauh berubah, apabila ia mula mendapat perhatian pelbagai lapisan masyarakat termasuk di bandar.

Apa tidaknya, pertandingan ikan laga kini tumbuh bagai cendawan di seluruh negara dengan

menawarkan hadiah cukup lumayan.

Jadi tidak hairanlah, apabila satu-satu pertandingan mendapat sambutan luar biasa sehingga 3,000 penyertaan.

Jumlah itu meningkat berkali ganda ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan pada Mac tahun lalu.

Perkaranya diakui penganjur Shah Alam PKP Petta Battie, Mohd Azizie Othman yang mengakui terkejut apabila

SAMBUTAN
menggalakkan.



ANTARA ikan laga yang dipertandingkan



Uniknya ikan ini sesuai untuk semua lapisan masyarakat termasuk kanak-kanak, dewasa dan warga emas selain ini satu perkembangan yang baik

MOHD AZIZIE

memperoleh penyertaan luar biasa di seluruh Malaysia dan Singapura.

Katanya, biarpun pada ketika itu terdapat empat lagi pertandingan sama yang dijaikan serentak, mereka masih mampu menerima lebih 3,000 penyertaan.

"Pada mulanya saya sangkakan penyertaan tidak banyak, kerana terdapat juga empat pertandingan ikan laga di tempat lain, namun sebaliknya berlaku apabila kita menerima penyertaan luar biasa.

"Kita sasarkan 2,500 penyertaan tapi kita dapat lebih 3,000 penyertaan membabitkan 114 kategori termasuk 'half moon,' 'double tale' dan 'crown tale' yang kita boleh anggap sebagai luar biasa," katanya ketika ditemui di Space U8, Shah Alam, baru-baru ini.

Menurutnya, jumlah peminat ikan laga meningkat mendadak sejak PKP dilaksanakan pada tahun lalu, antara faktor peningkatan luar biasa.

"Pada ketika itu, ramai pengusaha ikan laga mengambil kesempatan berniaga secara dalam talian dan mendapat sambutan menggalakkan.

"Uniknya ikan ini sesuai untuk semua lapisan masyarakat termasuk kanak-kanak, dewasa dan warga emas selain ini satu perkembangan yang baik," katanya.

Beliau berharap perkembangan positif ini diteruskan untuk merancakkan industri ikan laga di negara ini.

"Saya berharap lebih ramai tampil ke hadapan menganjurkan lebih banyak pertandingan seperti ini supaya trend sebegini terus kekal.

"Ia secara tidak langsung dapat meningkatkan permintaan terhadap ikan laga dan peminatnya terus bersemangat menyertai pertandingan," katanya.

Sementara itu salah seorang pemenang kategori Junior Half Moon Butterfly, Syamsul Nizar Jamaluddin, 32, teruja apabila berjaya membawa pulang piala dan wang tunai RM885.

"Sudah pasti saya gembira kerana ini adalah kemenangan terbesar sejak menyertai puluhan pertandingan ikan laga sejak tahun lalu.

"Ia sekaligus menyuntik semangat untuk buat yang terbaik untuk pertandingan ikan laga di masa hadapan," katanya.

IKAN laga yang membawa kemenangan kepada Syamsul

HADIAH yang dimenangi.



SYAMSUL Nizar (tiga dari kiri) teruja memenangi salah satu kategori

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			

RINGKAS

Bangkai penyu agar terdampar

Kuantan: Bangkai seekor penyu agar (*Chelonia Mydas*) dewasa ditemukan dalam keadaan mereput dengan kesan luka pada badan di pesisir di Pantai Balok, di sini, Ahad lalu.

Reptilia bersaiz kira-kira 0.9 meter panjang itu mati dipercayai akibat tersangkut pada pukat nelayan.

Pemancing Mohd Hanafi Salleh, 39, berkata dia menemui bangkai penyu berkenaan yang dipercayai mati sejak beberapa hari lalu kerana keadaannya sudah mula mereput.

“Saya tidak menyangka objek yang disangka tunggul kayu sebenarnya bangkai penyu yang sudah busuk.

“Kesan luka itu mungkin disebabkan ia tersangkut pukat nelayan sebelum mati dan hanyut ke Pantai Balok,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perikanan Pahang, Abdullah Jaafar berkata, pihaknya merekodkan sebanyak 24 kes kematian penyu agar dalam tempoh tiga tahun sejak 2019.

Katanya, daripada jumlah itu, tiga kes direkodkan dalam tempoh tiga bulan pertama tahun ini, tujuh kes sepanjang tahun lalu dan 13 kes pada 2019.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO I		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			8	24/03/2021
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN :		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL				

Kota Tinggi: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Zon Maritim Tanjung Sedili menahan 24 nelayan warga Vietnam serta merampas dua bot ketana mencero boh perairan negara berhampiran Pulau Aur, di sini, kelmarin.

Pengarah Zon Maritim Tanjung Sedili, Kepten Maritim Mohamad Sulihan Zai-

Maritim Malaysia tahan 24 nelayan Vietnam

non berkata, semua nelayan berkenaan berusia 21 hingga 60 tahun dikesan di kedudukan kira-kira 19 baru nautika timur laut Pulau Aur pada jam 10.32 pagi.

Katanya, ketika kapal ronda Maritim Malaysia menjalankan operasi di perairan

Johor Timur, anggota mengesan dua bot mencurigakan disyaki bot penangkapan ikan asing namun memamerkan tanda nama seperti bot nela-

yan tempatan melarikan diri apabila ternampak bot peronda Maritim Malaysia namun mereka

"Kedua-dua bot itu cuba melarikan diri apabila ternampak bot peronda Maritim Malaysia namun mereka

berjaya dipintas serta ditahan.

"Ketika pemeriksaan, sebilangan kru serta tekong gagal kemukakan dokumen pengenalan diri yang sah.

"Rampasan dianggarkan bernilai kira-kira RM6.4 juta termasuk kedua-dua bot,

peralatan menangkap ikan, hasil tangkapan laut dan bahan bakar," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mengulas lanjut, Mohamad Sulihan berkata, kes disiasat di bawah Akta Perikanan 1985 kerana mencero boh dan menangkap ikan di perairan Malaysia tanpa kebenaran sah dari Pengarah Perikanan Malaysia.

Kru serta tekong gagal kemukakan dokumen pengenalan diri yang sah

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO I	/	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			

3,000 ekor ikan patin mati

Oleh AIMUNI TUAN LAH

GUA MUSANG – Seorang penternak ikan air tawar di Kampung Lengan Jaya di sini menanggung kerugian sebanyak RM15,000 selepas ikan patin yang diternak di dalam kolam mati akibat cuaca panas sejak seminggu lalu.

Mat Nawi Hussin, 62, berkata, serakat ini, lebih 3,000 ekor ikan patin di dalam kolamnya sudah mati dengan anggaran sebanyak 100 hingga 500 ekor ikan mati setiap hari.

"Saya timbang dengari keadaan cuaca kemarau sekarang apabila air di lapan buah kolam ikan semakin surut.

"Keadaan ini bertambah teruk apabila hujan sudah tidak turun

sejak dua bulan lalu.

"Saya juga menggunakan sumber air dari bukit berhampiran, namun juga sudah kering sejak kebelakangan ini akibat faktor cuaca," katanya ketika ditemui di Kampung Lengan Jaya di sini semalam.

Bercerita lanjut Mat Nawi berkata, jika cuaca panas berterusan, tidak mustahil sebanyak 100,000 ekor ikan air tawar pelbagai spesies termasuk 6,000 ikan kelah juga menerima nasib yang sama.

Katanya, keadaan itu sekali gus akan menjejaskan punca pendapatannya lebih-lebih lagi apabila harga ikan kelah kini meiarbung naik iaitu sekitar RM300 sekilogram.

"Selain kelah, saya turut men- ternak 30,000 ekor ikan patin, ikan tilapia (30,000) ikan lampam (10,000), ikan tongsang (6,000) dan ikan jelawat (6,000).

"Semua ikan itu dalam proses untuk dipasarkan kerana setiap ekor ikan telah mencecah berat antara setengah kilogram hingga lebih satu kilogram seekor," jelasnya.

Sementara itu, isteri Mat Nawi, Siti Zaharah Daud, 52, memberitahu, ini kejadian pertama menimpa mereka yang telah mengusahakan ternakan ikan kolam sejak 30 tahun lalu.

Katanya, susulan kejadian itu, dia dan anak lelakinya Ibrahim, 26, akan menanam bangkai ikan yang mati.



MAT NAWI (kiri) bersama anaknya, Ibrahim mengangkat bangkai ikan patin dari salah satu kolamnya di Kampung Lengan Jaya, Gua Musang, semalam.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			

Sasar 280,000 benih udang galah, ikan dilepaskan

JASIN - Sebanyak 280,000 benih udang galah dan ikan disasarkan dilepaskan ke sungai di Melaka tahun ini bagi mengekalkan kelestarian sumber itu.

Ahli Parlimen Jasin, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, usaha itu bukan sahaja dapat memelihara sumber perikanan darat malah salah satu inisiatif membangunkan pelancongan berasaskan rekreasi perikanan selain membantu meningkatkan pendapatan nelayan.

Menurutnya, daripada jumlah itu 100,000 benih udang galah akan dilepaskan ke Sungai Kesang, Jasin kerana tempoh matang bagi benih spesies itu mengambil masa antara lima hingga enam bulan sebelum dapat dinikmati hasilnya.

"Bagaimanapun kita merayu kepada nelayan untuk tidak menggunakan jala tetapi hanya

pancing sahaja.

"Ini supaya hidupan ini tidak terancam dan boleh menjana pendapatan nelayan darat," katanya.

Ahmad berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan elaun sara hidup kepada nelayan darat serta bantuan sistem penyampaian dan khidmat sokongan (SPeKS) akuakultur di Sungai Rambai di sini pada Selasa.

Hadir sama, Exco Pertanian, Penternakan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Norhizam Hassan Baktee.

Ahmad yang juga Timbalan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) berkata, kerajaan menerusi Jabatan Perikanan negeri memperuntukkan RM211,400 untuk menyalurkan bantuan berupa peralatan akuakultur, makanan



Ahmad (tiga dari kiri) menyampaikan bantuan sistem penyampaian dan khidmat sokongan (SPeKS) akuakultur kepada salah seorang penerima pada program itu.

ternakan, benih ikan dan pembinaan rak kupang kepada seramai sembilan penternak.

Menurutnya, pemberian itu sebagai galakan kepada penerima secara tidak langsung dapat

memastikan petunjuk prestasi utama (KPI) data pengeluaran ikan makan negara tercapai khususnya bagi Melaka yang menyasarkan 6,790 tan metrik bagi tahun 2021.

"Diharap kita dapat membantu golongan ini terus berdaya saing dalam bidang akuakultur dan memastikan bekalan seperti ikan dan udang sentiasa mencukupi," katanya.

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO I		THE STAR	NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		

Lima nelayan Indonesia ditahan

GEORGETOWN - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Pulau Pinang menahan sebuah bot nelayan Indonesia bersama lima kru kira-kira jam 5 petang, Isnin.

Pengarah Maritimnya, Kep-ten Abdul Razak Mohamed berkata, bot tersebut ditahan oleh sepasukan penguat kuasa yang menaiki kapal KM Burau ketika menjalankan rondaan dalam Op Pertiwi/Op Benteng/Op Tanjung pada kedudukan 32.3 batu nautika barat Pulau Kendi.

Menurutnya, ketika rondaan, bot tersebut didapati sedang melakukan aktiviti menangkap ikan dalam perairan negara.

"Pemeriksaan mendapati, bot tersebut dikendalikan lima kru warga Indonesia termasuk



Lima nelayan warga Indonesia ditahan bersama bot mereka oleh sepasukan penguat kuasa Maritim Malaysia Pulau Pinang pada petang Isnin.

tekong berusia lingkungan 18 hingga 45 tahun. Kesemua mereka tidak memiliki dokumen pengenalan diri yang sah.

"Kesemua nelayan asing itu ditahan kerana menceroboh perairan negara. Kes akan disiasat mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Perikanan 1985 iaitu menangkap ikan di perairan Ma-

laysia tanpa kebenaran Ketua Pengarah Perikanan Malaysia," katanya dalam satu kenyataan media pada Selasa.

Jelasnya, semua nelayan bersama bot mereka dibawa ke Jeti Limbongan Batu Maung untuk diserahkan kepada Pegawai Penyiasat APMM Pulau Pinang untuk tindakan lanjut.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO I		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN :		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		

Maritim tahan 24 nelayan Vietnam ceroboh perairan Johor Timur

JOHOR BAHRU - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia Zon Maritim Tanjung Sedili menahan 24 nelayan warga Vietnam yang menaiki dua buah bot selepas dipercayai menceroboh menangkap ikan di perairan Johor Timur dekat Kota Tinggi pada Isnin.

Pengarah Zon Maritim Tanjung Sedili, Kepten Maritim Mohamad Sulhan Zainon berkata, kedua-dua bot itu yang mempamerkan tanda

nama seperti bot nelayan tempatan ditahan di kedudukan kira-kira 19 batu nautika timur laut Pulau Aur pada jam 10.32 pagi.

Menurutnya, kedua-dua bot terlibat bertindak memcut cuba meninggalkan kawasan itu apabila menyedari kehadiran pihak berkuasa, namun berjaya dipintas sebelum kesemua nelayan terbabit yang berusia lingkungan 21 hingga 60 tahun ditahan.

"Semasa pemeriksaan, sebilangan

kru dan tekong gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah.

"Rampasan dianggarkan bernilai kira-kira RM6.4 juta termasuk dua bot, peralatan menangkap ikan, hasil tangkapan laut dan bahan bakar. Ujian saringan Covid-19 turut dijalankan ke atas semua suspek," katanya dalam kenyataannya di sini pada Selasa.

Beliau berkata, kes disiasat di bawah Akta Perikanan 1985 kerana menceroboh dan menangkap ikan di perairan Malay-

sia tanpa kebenaran sah daripada Pengarah Perikanan Malaysia dan Akta Imigresen 1959/1963, Seksyen 6(j)(c) kerana gagal mengemukakan sebarang dokumen perjalanan sah.

"Maritim Malaysia Johor akan menggandakan usaha mencegah berlakunya kejadian rompakan dan pencerobohan di laut khususnya dari Vietnam di perairan Johor Timur daripada menghantui komuniti maritim setempat," katanya. - *Bernama*